

| | | | |
|-------------------|---------------------------------------|--------------------|---------------------------|
| Headline | Teknologi penderiaan jauh FRIM | | |
| MediaTitle | Sinar Harian (Pahang) | | |
| Date | 03 Jan 2012 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 60,000 |
| Page No | P13 | Readership | 180,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 237 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,304 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 3,911 |



Teknologi penderiaan jauh FRIM

BARU-baru ini, satu kajian telah dijalankan bagi menentukan stok karbon yang terdapat di dalam kawasan hutan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) menggunakan teknologi penderiaan jauh (*remote sensing*).

Kajian ini dijalankan oleh Pegawai Penyelidik FRIM daripada Program Geoinformasi, Bahagian Perhutanan dan Alam Sekitar iaitu Hamdan Omar, Khali Aziz dan Abd Rahman Kassim.

Hamdan berkata, teknologi penderiaan jauh (*remote sensing*) adalah satu sistem cerapan muka bumi menggunakan satelit.

"Sistem mencerap muka bumi telah diperkenalkan sejak tahun 1950-an lagi, tetapi di FRIM kami baru mengaplikasikannya sejak 10 tahun lalu," katanya kepada *InfoAgro*.

Beliau berkata, FRIM berusia 80 tahun dan mempunyai keluasan sehingga 485.2 hektar, dengan dilitupi 420 hektar hutan terdiri daripada 10 peratus hutan asli dan 90 peratus

hutan yang ditanam.

"Hasil kajian mendapati bahawa jumlah kandungan stok karbon bagi tumbuhan hidup yang tersimpan di dalam dirian hutan FRIM adalah 56,879.9 tan dengan julat antara 12.95 hingga 284.65 tan karbon per hektar dengan purata 96.8 tan per hektar," katanya.

Menurutnya, jika dinilai dalam bentuk kewangan mengikut harga pasaran pada masa kini, iaitu sekitar USD 10.00 untuk satu tan

karbon, FRIM dianggarkan menyimpan stok karbon yang bernilai USD 568,799 atau sekitar RM1,706,397.

"Maklumat sedemikian amat berguna untuk penentuan nilai secara kuantitatif dan juga boleh diterjemahkan dalam bentuk wang ringgit bagi menentukan kredit karbon bagi sesuatu kawasan."

"Ia juga amat penting dalam pengurusan perhutanan dan boleh dikaitkan dengan isu pemanasan global serta perubahan iklim," katanya.

Hamdan berkata, daripada kajian tersebut, dapat disimpulkan bahawa teknologi penderiaan jauh (*remote sensing*) didapati lebih mudah, cepat dan ekonomi dalam penilaian stok karbon hutan.

"Selain jenis dirian hutan bukit atau dipterokarpa seperti yang terdapat di FRIM, teknologi ini juga boleh diguna pakai untuk menentukan stok karbon bagi hutan paya gambut dan hutan paya laut, iaitu antara jenis hutan utama yang terdapat di Malaysia," katanya.



Hamdan ketika menjelaskan mengenai teknologi penderiaan jauh.